



■ RASHID CHE OMAR

■ MAZLAN SHAARI

SUKAN SEA 16 JUN 1988

## Rashid, Mazlan sertai skuad

RASHID Che Omar dan Mazlan Shaari mengambil keputusan menyertai skuad silat kebangsaan dalam persiapan menghadapi Sukan SEA di Kuala Lumpur, tahun depan.

Kedua-dua pemain itu, yang juga ahli sukan taekwon-do, akan melapor diri di kem latihan pusat peringkat pertama di Kompleks Sukan Kampung Pandan, hari ini.

Rashid dan Mazlan mendaftar diri lewat kerana tidak menerima sebarang surat dari Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) dan tidak mengetahui mereka dipilih menjalani latihan pusat.

Kedua-duanya terkejut membaca laporan akhbar mengenai amaran Pesaka yang mendesak mereka memilih sama ada untuk mewakili pasukan silat atau taekwon-do di Sukan SEA tahun depan.

"Kami terkejut dengan laporan itu, terutama apabila mengetahui kami turut disenarai dalam latihan pusat.

"Sebenarnya kami tidak tahu menahu tentang latihan itu dan tidak pernah menerima surat undangan," kata mereka ketika ditemui di Kem Genting Klang semalam.

"Pada mulanya kami ragu melapor diri kerana tidak mendapat surat, tetapi terpaksa melupakan soal malu setelah didesak oleh rakan-rakan," kata kedua-duanya.

Rashid berkata, "Saya sudah menghubungi Naib Presiden Persatuan Taekwon-do Malaysia (MTA), Lt Kol Mohd Noor Jaafar dan dia mengarahkan kami menyertai latihan ini."

Kehadiran kedua-dua ahli silat itu pasti menggembirakan pesilat-pesilat lain kerana sebelum ini, Pesilat Terbaik Dunia, Wan Aminuddin Baki Abu Bakar, tidak dapat bersama kerana gagal mendapat perlepasan cuti daripada majikannya.

Ketua jurulatih kebangsaan, Sani Morni juga menghadapi masalah yang sama. Penolongnya, Johari Ibrahim dan jurulatih Pusat Cemerlang Kelantan, Mohd Noor Mahmud mengambil alih tugas itu buat sementara.

Mazlan dan Rashid yang memenangi pingat emas dan gangsa di Kejuaraan Silat Sedunia, Disember lalu, berkata mereka juga berhasrat mewakili Melaka di Kejohanan Kebangsaan di Port Dickson pada 27 Julai hingga 2 Ogos ini.

Difahamkan, kedua-dua pesilat ini tidak akan mewakili Tentera di Kejohanan Taekwon-do Kebangsaan di Sibu, Sarawak pada 27-28 Julai ini kerana tumpuan kepada silat.

Sementara itu, pemenang pingat perak Sukan SEA, Abdul Razak Ismail dari Terengganu tidak mengikut latihansemail kerana kurang sihat.

Manakala pemenang gangsa Silat Sedunia dan Sukan SEA, Khatijah Salleh, menarik diri dan berhasrat untuk 'bersara'.

Bagaimanapun kakaknya, Salbiah meneruskan latihan. Beliau sudah meminta kelepasan daripada pihak pengurusan supaya dibenarkan menyertai Kejohanan Tertutup Johor di Muar esok.